

## **PEMIKIRAN KEROHANIAN DALAM CERPEN KANAK-KANAK PILIHAN MUTAKHIR DAN KESAN POSITIF KEPADA KANAK-KANAK**

*Teaching Spirituality in Contemporary Children's Literature*

*Farra Humairah Binti Mohd  
farrahumairah@fbk.upsi.edu.my  
Universiti Pendidikan Sultan Idris*

*Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi  
nikrafidah@gmail.com  
Universiti Putra Malaysia*

### **ABSTRAK**

Kertas kerja ini membicarakan tentang pemikiran kerohanian yang terdapat dalam cerpen kanak-kanak mutakhir terpilih. Cerpen kanak-kanak masa kini, telah mencetuskan ketidakpuasan hati para Panel Penilai Hadiah Sastera Perdana Malaysia (HSPM) akibat kemerosotan mutu penghasilan cerpen kanak-kanak. Selain itu, ada juga sesetengah individu beranggapan bahawa cerpen kanak-kanak ini ditulis mengikut kaca mata penulis dewasa dan tidak memenuhi konsep sastera kanak-kanak serta psikologi kanak-kanak. Dalam kajian ini kaedah yang digunakan ialah kaedah kualitatif iaitu kaedah analisis teks. Justeru, kajian ini akan mengenal pasti dan menganalisis pemikiran kerohanian yang diungkapkan oleh pengarang dalam setiap karya yang dihasilkan mampu memberi kesan positif kepada kanak-kanak ataupun sebaliknya. Persoalannya adakah kumpulan cerpen kanak-kanak ini tidak memaparkan teladan yang baik kepada khalayak pembacanya dan benarkah pengarang menulis tanpa memasukkan psikologi kanak-kanak dan tidak memenuhi konsep sastera kanak-kanak dalam karya mereka. Setelah diteliti cerpen kanak-kanak mutakhir yang dipilih ini sememangnya mempunyai unsur pemikiran kerohanian yang diterapkan oleh pengarang dalam karya yang dihasilkan untuk menyampaikan kesan positif kepada kanak-kanak, namun konsep sastera kanak-kanak dan psikologi kanak-kanak kurang dititikberatkan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis unsur kesepaduan pemikiran kerohanian yang digarap oleh pengarang dengan melihat kesan positif yang dipaparkan daripada pemikiran tersebut kepada khalayak pembaca khususnya kanak-kanak. Justeru, kajian ini mengambil satu unsur pemikiran daripada teori tempatan, iaitu Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K) yang diperkenalkan oleh Mohd Yusof Hasan berteraskan falsafah kesepaduan pemikiran.

**Kata Kunci:** pemikiran kerohanian; cerpen kanak-kanak; mutakhir; kesan positif; kanak-kanak

### **ABSTRACT**

*This paper looks into the inclusion of character education and the teaching of spirituality in selected, contemporary, literary texts. The Premier Literary Award Malaysia (HSPM) evaluation panels have voiced dissatisfaction with regards to the quality of children's literary books. In addition, such books were written from an adults' perspective and failed to look into psychological considerations. Text analysis revealed that the selected literary texts contained positive messages on spirituality. However, these texts lacked important literary elements and psychological considerations particularly sensitive to children and their needs. This study focussed on a local theory of thought; Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (The 4K Integrated Thinking Systems Theory) introduced by Mohd Yusof Hasan based on the coherence in thought philosophy.*

**Keywords:** spiritual thoughts; children's short stories; contemporary; positive effect; children;

## PENGENALAN

Dalam dunia persuratan telah lahir pelbagai bentuk penulisan. Setiap satunya mempunyai definisi dan ciri-cirinya yang tertentu. Cerpen, puisi, novel dan drama dapat digolongkan ke dalam bentuk penulisan kreatif. Setiap hasil karya penulisan kreatif terbukti amat mengutamakan daya imaginasi, kreativiti dan kecerdasan akal untuk mengusik kepekaan pembaca melalui cerita dan tema yang dikemukakan oleh seseorang pengarang.

Malahan dalam sesebuah karya sastera sering membicarakan apa-apa yang berlaku dan apa-apa yang terlihat pada sesuatu masyarakat sambil mengemukakan sikap dan pandangan pengarangnya. Sastera sejak awal lagi telah memperlihatkan penglibatan langsung dengan pergolakan dan kehidupan masyarakat atau pembacanya. Sastera telah menjadi satu alat untuk menyuarakan resah gelisah, mimpi, harapan dan pengalaman masyarakat. Salah satu karya sastera yang menjadi cermin masyarakat adalah cerpen. Cerpen sebagai salah satu bentuk karya sastera yang menawarkan suatu model pemikiran yang menceritakan suatu peristiwa yang luar biasa yang pernah terjadi atau mungkin akan dialami manusia melalui tokoh-tokoh cerita. Kejadian atau peristiwa yang luar biasa itu sentiasa diikuti oleh konflik-konflik yang membentuk suatu alur cerita. Melalui alur itulah penulis mengatur tema cerita, watak, gambaran suasana peristiwa, gambaran tempat terjadinya peristiwa dan klimaks cerita.

Dalam hubungannya dengan sejarah pertumbuhan dan perkembangan sastera kanak-kanak, usia cerpen kanak-kanak ternyata masih baru jika dibandingkan dengan usia cerpen bacaan umum. Secara amnya, peringkat awal kemunculan cerpen kanak-kanak dapat dikesan pada sekitar tahun 1956 apabila Pejabat Karang-Mengarang menganjurkan Peraduan Menulis Cerita Pendek. Kemudiannya ia menjadi semakin berkembang pesat pada dekat 1960-an sehingga kini dengan adanya wadah penampungan seperti *Utusan Kanak-kanak* (1956), *Utusan Pelajar* (1970), *Dewan Pelajar* (1967), *Dewan Siswa* (1979) dan sebagainya lagi (Othman Puteh, 2001: 75).

Seperti tajuk kajian “Pemikiran Kerohanian dalam Cerpen Kanak-kanak Pilihan Mutakhir dan Kesan Positif kepada Kanak-kanak”, pengkaji turut mengaitkan konsep pemikiran yang terkandung dalam sesebuah karya sastera amnya cerpen kanak-kanak melalui unsur pemikiran dari teori SPB4K. Malah, Asmah Haji Omar (1986: 9) menyatakan pemikiran sebagai kaedah berfikir yang mempunyai konsep-konsep yang abstrak serta ada kaitan antara peringkat-peringkat pemikiran masyarakat yang menjadi tumpuan dan perhatian pengarang. Baginya lagi, pemikiran juga sebagai kaedah berfikir yang mempunyai tumpuan pelbagai gambaran atau imej kepada sesuatu keadaan. Bagi Othman Puteh (2010: 95) pula menyatakan bahawa pemikiran ialah teras tamadun sesuatu bangsa. Menurutnya lagi, ketinggian tamadun sesuatu bangsa itu bergantung kepada keupayaan bangsa itu sendiri mencetuskan pemikiran yang menjadi dasar kemajuan, memperlihatkan pandangan hidup dan menganalisis diri. Pemikiran juga menjadi inti dan unsur yang paling dasar dalam kehidupan, terutamanya dalam memberi penyelesaian terhadap beberapa persoalan yang besar.

Sejajar itu, dapat disimpulkan bahawa pemikiran dalam karya sastera dilihat apabila pengarang mendedahkan dan menghubungkan pertalian antara sesuatu peristiwa atau situasi. Kemudiannya pengarang akan mencari sebab akibat yang wujud akibat sesuatu peristiwa bagi memahami punca sesuatu kejadian. Sesudah menilai, maka pengarang mula menggerakkan sesuatu yang baru diperolehnya dan dikaji bersama-sama agar mendatangkan manfaat yang berguna kepada khalayak pembaca. Lantaran itu, idea yang diperoleh dicernakan ke dalam karya dengan cara yang kreatif serta dapat dilihat secara tersurat dan tersirat. Oleh yang demikian, bermula dari sinilah pembaca atau pengkaji sastera akan dapat melihat bagaimana pengarang menggunakan kebijaksanaan akalnya memperlihatkan sesuatu fenomena secara bersepadu.

## **PENYATAAN MASALAH**

Pengkajian terhadap genre cerpen kanak-kanak memang tidak asing lagi dalam kalangan sarjana barat dan tempatan. Genre cerpen ini mendapat perhatian yang ramai kerana terdapat pelbagai skop yang menarik boleh dikaji. Sifat karya sastera yang subjektif dan terbuka kepada pelbagai terjemahan menyebabkan banyak sekali pertikaian yang mungkin wujud apabila sesuatu karya itu diangkat tidak kira sama ada dalam pertandingan mahupun sebagai teks kajian. Persoalan sama ada benar atau tidak kenyataan berkaitan dengan isu penghasilan kualiti cerpen kanak-kanak mutakhir yang dikatakan sering mendapat kritikan negatif dan tidak memberikan nilai positif kepada khalayak pembacanya.

Kajian ini dilakukan adalah untuk meneliti aspek pemikiran kerohanian yang terdapat dalam cerpen kanak-kanak pilihan mutakhir. Persoalan mengenai pemikiran yang diungkapkan dalam karya-karya sastera seperti novel dan cerpen adalah sangat menarik untuk dikaji. Hal ini kerana pemikiran merupakan pusat utama yang dapat dilihat melalui gagasan seseorang pengarang dalam menyampaikan perjuangan mereka menerusi hasil-hasil seninya (Mohd Yusof Hassan, 2012: 17).

Menerusi sorotan literatur yang telah dijalankan, didapati kajian berkait dengan pemikiran dalam karya sastera kebanyakannya lebih memfokuskan kepada karya sastera dewasa berbanding dengan karya sastera kanak-kanak. Contohnya, kajian yang telah dilakukan oleh Raihaniah Zakaria (2014), Azhar Mohd Ali (2010), Masrizayu Mustafa (2006), Nik Rafidah Nik Affendi (2005), Arbai'e Sujud (2004), Normah Ismail (2001) dan Salbiah Sawal (1977). Namun demikian, kajian-kajian tersebut hanya menganalisis pemikiran yang terdapat dalam karya sastera moden dan tradisional seperti novel-novel KOMSAS, novel remaja, sajak-sajak terpilih dan hikayat. Dari tahun 1970 sehingga 2015, kajian mengenai pemikiran dalam cerpen kanak-kanak masih belum dilakukan sepenuhnya sehingga kini. Justeru, kajian ini dilaksanakan bagi mengenal pasti dan menganalisis pemikiran-pemikiran yang dominan khususnya pemikiran kerohanian yang terdapat dalam cerpen kanak-kanak pilihan mutakhir.

Merujuk kepada kenyataan Othman Puteh (2001: 28), bahan sastera kanak-kanak perlulah bermutu dari segala sisipan terpilih, bervisi dan memenuhi aspirasi nasional. Maksudnya, bahan-bahan sedemikian harus berupaya mengetengahkan pemikiran baru, memberi ruang penajaan kepada berfikir secara kritis dan global serta kreatif ke arah pembinaan warga yang matang dan bijaksana.

Selain itu, Misran Rokiman (2005) turut berpendapat bahawa pengarang karya kanak-kanak perlu mengetengahkan pemikiran dari aspek asas pendidikan agama dan pendidikan moral dalam karya-karya berkenaan agar dapat mengekang pelbagai pengaruh budaya Barat pada era globalisasi ini selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara. Tegasnya, sastera kanak-kanak harus memainkan peranan yang sangat besar dalam membentuk tamadun dan pemikiran sesuatu bangsa. Sastera yang kukuh akan melahirkan bangsa yang mantap jati dirinya (Utusan Melayu, 20 Januari 2005).

Amida @ Hamidah Abdul Hamid (2006) pula menegaskan bahawa cerita yang disajikan melalui karya sastera kanak-kanak tempatan seharusnya intim dengan pemikiran yang mengetengahkan liku kehidupan masyarakat dan budayanya. Dalam menerapkan nilai yang universal, karya sastera sewajarnya mengekalkan semangat Melayu, katanya (Seminar Sastera Kanak-kanak, 28 November 2006).

Malahan itu juga, kehadiran cerpen kanak-kanak di pasaran kini dikatakan kurang memberangsangkan adalah disebabkan oleh masalah pemikiran yang terlalu berat yang diketengahkan dalam karya sastera kanak-kanak sehingga tidak dapat mencungkil minat kanak-kanak untuk menghayati karya sastera kanak-kanak (Dato Haji Termuzi Abdul Aziz, 2010: 54). Maksudnya, pengolahan pemikiran seperti aspek pemikiran kerohanian dalam pengkaryaan menjadi tunjang kepada pandangan pembaca terhadap kewujudan kreativiti penulis terhadap karyanya. Oleh yang demikian, terdapat banyak aspek yang perlu diambil kira dalam pembinaan bahan karya sastera kanak-kanak yang bermutu.

Berdasarkan laporan panel penilai Hadiah Sastera Perdana Malaysia (HSPM) pada tahun 2012, kerisauan terhadap kualiti penghasilan cerpen kanak-kanak yang bermutu bermula dari tahun 2010

sehingga 2015 masih diperkatakan. Buktinya, hanya dua buah cerpen sahaja yang dapat memenangi hadiah dalam Kategori C: Kumpulan Cerpen Kanak-Kanak. Hal ini berlaku disebabkan penghasilan kumpulan cerpen kanak-kanak pada masa kini amat terhad dari segi pencalonan dan mutu kualiti penghasilannya. Sehubungan itu, pihak urus setia menghadapi masalah untuk memilih kumpulan cerpen yang benar-benar memenuhi kriteria yang ditetapkan (*Dewan Sastera*, Januari 2012).

Berdasarkan isu-isu yang dikemukakan timbul persoalan apakah cerpen-cerpen tersebut tidak memenuhi aspek pemikiran yang dapat memenuhi kehendak kanak-kanak? Apakah cerpen kanak-kanak tersebut hanya dihalusi dari sudut pandangan kaca mata orang dewasa semata-mata tanpa melihat dari kaca kepada fenomena yang berlaku ini, apakah cerpen kanak-kanak ini tidak sesuai dijadikan bahan bacaan kanak-kanak atau sebaliknya atau apakah cerpen kanak-kanak mutakhir ini kurang bermutu dan tiada nilai positif sehingga mencetuskan pelbagai pendapat.

## **SOROTAN LITERATUR**

Othman Puteh (2001) dalam bukunya yang bertajuk “Persediaan Menulis Cerpen Kanak-kanak dan Remaja”. Melalui bukunya, Othman Puteh membincangkan mengenai bagaimana untuk memahami dan menghayati karya cerpen, membantu untuk mengorak langkah dalam menghasilkan cerpen yang baik dari segi kualiti penulisannya dan penerangan mengenai ciri-ciri cerpen serta unsur-unsur dalaman sesebuah cerpen. Baginya, seseorang pengarang dapat berfungsi untuk menanamkan unsur-unsur pendidikan moral, khususnya remaja dan kanak-kanak menerusi karya-karya mereka. Rumusan artikel ini meliputi ruang lingkup pemikiran yang bertepatan dengan pendidikan kanak-kanak dan remaja, dengan menampilkan bahasa kreatif, sopan dan baik akan mampu mempengaruhi khalayak pembacanya.

Kajian seterusnya dilakukan oleh Misran Rokiman (2005) “Pendidikan Moral Menerusi Bacaan Sastera Kanak-kanak”. Kajian ini menjurus kepada kajian perkembangan kanak-kanak yang terdapat dalam bahan bacaan sastera kanak-kanak. Kajian ini juga mendapati bahawa pendidikan moral yang terdapat dalam bahan bacaan kanak-kanak mampu menjadikan kanak-kanak tersebut sebagai insan yang berguna. Hasil tinjauan yang dibuatkan oleh Misran, sastera dan budaya merupakan jati diri sesuatu bangsa yang wajar dipertahankan. Sedangkan, teknologi dan perdagangan hanyalah pelengkap untuk memenuhi keinginan dan keperluan manusia sahaja.

Laporan panel penilai Hadiah Sastera Perdana Malaysia (HSPM) pada tahun 2012 mendapati isu kualiti penghasilan cerpen kanak-kanak yang bermutu bermula dari tahun 2010 sehingga 2015 sering kali diperkatakan kerana isu berkaitan dengan kekaburan pengarang terhadap definisi dan konsep sebenar sastera kanak-kanak, menulis dari kaca mata dewasa serta menulis tanpa pengetahuan dan pengalaman psikologi (*Dewan Sastera*, Januari 2012).

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Penghasilan sesebuah pengkajian sudah semestinya mempunyai matlamat yang ingin dicapai oleh pengkajinya. Oleh sebab itu, berdasarkan kepada pengkajian ini, objektif pengkaji dalam menghasilkan kajian mengenai unsur-unsur pemikiran kerohanian dalam cerpen kanak-kanak pilihan mutakhir adalah:

1. Untuk mengklasifikasikan unsur-unsur pemikiran kerohanian yang terdapat dalam cerpen kanak-kanak pilihan mutakhir.
2. Untuk menganalisis unsur-unsur pemikiran kerohanian yang terdapat dalam cerpen kanak-kanak pilihan mutakhir dan kesan positif kepada kanak-kanak.

## METODOLOGI KAJIAN

Dalam analisis ini, pengkaji telah memilih untuk menggunakan kaedah kualitatif pada keseluruhan kajian. Malah, dengan menggunakan kaedah ini maka data yang dikumpul dan diperolehi akan menjadi lebih detail (Azizi Yahya et. al, 2007). Selain itu, pengkaji turut menggunakan pendekatan kajian iaitu kaedah analisis kandungan (*content analysis*). Kaedah ini dipilih kerana pengumpulan data dan analisis data bersumberkan kepada kandungan teks cerpen bertulis yang dipilih. Oleh sebab kajian ini memberi tumpuan khusus kepada analisis terhadap teks kumpulan cerpen kanak-kanak pilihan mutakhir, maka kaedah ini memberi kelebihan kepada pengkaji lebih dekat dengan teks yang akan dianalisis.

Di samping itu, pengkaji akan menggunakan satu unsur pemikiran yang terkandung dalam Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K) iaitu unsur-unsur pemikiran kerohanian sahaja. Dalam konteks Teori SPB4K ini, pemikiran kerohanian adalah pemikiran yang berkaitan dengan aspek kepercayaan kepada Allah S.W.T. Aspek ini berhubung kait dengan keimanan, ketauhidan dan kewahyuan yang berperanan untuk menyempurnakan ilmu fardu ain. Dalam agama Islam, pemikiran kerohanian melihat hubungan dan komunikasi manusia secara vertikal iaitu manusia sebagai hamba sekali gus sebagai khalifah yang berhubung terus dengan Allah S.W.T. Manakala hubungan manusia secara horizontal pula melibatkan hubungan manusia sesama manusia dan alam.

Dalam konteks ini, umat Islam mestilah menguasai ilmu fardu ain dan ilmu fardu kifayah. Ilmu fardu ain ialah ilmu yang wajib dipelajari oleh setiap umat Islam, dan seandainya tidak mempelajarinya akan dianggap berdosa. Manakala ilmu fardu kifayah ialah ilmu yang hanya memadai dipelajari oleh segelintir umat manusia dan ini dapat menghapuskan dosa orang Islam lain. Orang Islam juga mempunyai dua fungsi yang seharusnya dipikul dan ditanggung, iaitu beramal dan beribadat kepada Allah S.W.T atas landasan dua kewajipan iaitu amar makruf yakni melakukan kebaikan dan kebajikan. Nahi mungkar pula menjauhi daripada membuat kejahatan. Perspektif ini juga menjelaskan mengenai kedudukan umat Islam yang mempunyai dua dunia, iaitu dunia fana dan dunia akhirat yang kekal. Seterusnya, perspektif yang menjelaskan mengenai orang-orang Islam wajib mengikuti ajaran Al-Quran dan perspektif ketiga yang menyentuh pelbagai aspek kehidupan seperti politik, ekonomi, pendidikan, sains, ilmu pengetahuan, kemasyarakatan dan kemanusiaan. Akhir sekali ialah perspektif yang memperlihatkan pelbagai aspek kehidupan manusia (Mohd Yusof Hassan, 2007: 57).

Seterusnya, pengkaji telah memilih lima buah kumpulan cerpen kanak-kanak pilihan mutakhir untuk dibincangkan. Hal ini sepertimana yang dilampirkan dalam Jadual 1.

**Jadual 1** Judul lima buah kumpulan cerpen kanak-kanak pilihan mutakhir yang menjadi bahan kajian.

Bil	Tajuk Kumpulan Cerpen	Jumlah Cerpen	Tahun	Pengarang	Terbitan
1.	<i>Wajah Pada Skrin</i>	25 buah cerpen	2012	Ahmad Fadzilah Muhammad	Aras Mega Sdn. Bhd
2.	<i>Gaun Merah Jambu</i>	5 buah cerpen	2013	Natasha Effyza, Aizam Aiman, Iman Qaisara, Haryani Kamilan & Adha Ameera	PTS One Sdn. Bhd
3.	<i>Anak Kampung Ke Istana Negara</i>	5 buah cerpen	2014	Siti Nur Balqis Syamsul Zaidi	Dewan Bahasa dan Pustaka
4.	<i>Kerana Ais Krim &amp; Makaron</i>	5 buah cerpen	2014	Nur Shamsiah On	Ana Muslim Sdn. Bhd
5.	<i>Ayahku Superhero</i>	15 buah cerpen	2015	Fasya Fazida, Imanisa Riana, Liza Nur, Lynn Dayana & Zakiah Abd. Ghafar	PRIMA Sdn. Bhd

Selain itu, kajian pemikiran kerohanian ini turut diteliti melalui enam konsep sastera kanak-kanak seperti yang dikemukakan oleh Perry Nodelman (1992) dan juga pendekatan peringkat keperluan dan kehendak kanak-kanak yang diubahsuai daripada Julia Unggai melalui hierarki Keperluan dan Kehendak Manusia yang dipelopori oleh Abraham Maslow. Sememangnya, cerpen-cerpen mutakhir yang disampaikan ini mengandungi pelbagai nilai dan pengajaran yang difikirkan bersesuaian dengan tahap perkembangan psikologi kanak-kanak yang berumur sekitar 9 hingga 12 tahun yang mana, rata-ratanya sudah mendapat pendidikan secara formal di sekolah rendah dan mampu membaca serta memahami isi kandungan cerita yang disampaikan.

## **PERBINCANGAN KAJIAN**

Bagi Mohd Yusof Hassan (2012: 32), dengan memiliki pemikiran kerohanian dan penerapan ilmu-ilmu yang bersangkutan dengannya, maka manusia akan menjadi makhluk yang sempurna dengan lengkap sebagai hamba Allah S.W.T. Yakni, pemikiran kerohanian dapat melahirkan sifat-sifat seperti ketakwaan, keimanan dan kekudusan kepada Allah S.W.T. Oleh yang demikian, sistem pemikiran dalam teori ini amat mementingkan penerapan nilai-nilai keagamaan untuk melahirkan masyarakat moden yang bukan sahaja canggih dan kreatif, tetapi juga taat dan akur kepada hukum ketuhanan.

Menurut Shahabuddin Hashim dan Noor Miza Abdul Rahman (2014: 24) kerohanian berasal dari perkataan “roh”. Ia adalah urusan Tuhan dan kita diberi sedikit sahaja pengetahuan tentangNya. Dibahagikan kepada empat bahagian iaitu akal, rohani, nafsu dan kalbu. Selain itu, kerohanian adalah satu bentuk pembinaan yang menjadikan perkembangan rohani sebagai tujuan bagi kehidupan insan dan sebab kejadiannya. Malah, ianya tidak kelihatan pada pandangan kasar tetapi dilihat dari manifestasinya sahaja. Kerohanian merangkumi aspek-aspek seperti; (i) keyakinan kepada tuhan, (ii) kepercayaan kepada agama, (iii) kemantapan jiwa, (iv) penghayatan nilai-nilai murni dan norma masyarakat dan (v) berbudi pekerti mulia. Bagi Harun Din (2003: 8) pula mendefinisikan kerohanian sebagai kebatinan atau berkaitan dengan kejiwaan. Menurutnyalagi, kerohanian berasal dari perkataan roh iaitu unsur-unsur rohani yang berpunca dari urusan ketuhanan, alam ketinggian dan kekudusan disisi Allah S.W.T.

Mohd Nasir (2005: 35) pula menyatakan bahawa kerohanian adalah dimensi dalaman yang menjadi teras dalam diri manusia. Selain itu, ianya juga melibatkan perkara-perkara maknawi yang tidak boleh dikesan melalui kelima-lima pancaindera tetapi dapat dikesan melalui sifat-sifat perbuatan yang dilakukan oleh seseorang manusia. Contohnya cinta kepada keadilan, menunaikan ibadat kepada Allah SWT dan sebagainya. Hal ini semuanya dikenali sebagai tanggungjawab kerohanian. Selain itu, Yayasan Penelitian Ilmu Kerohanian (SSRF) mendefinisikan ‘Amalan Kerohanian’ sebagai usaha yang ikhlas dan bersungguh-sungguh, yang dilakukan setiap hari untuk mengembangkan sifat-sifat/kualiti Ketuhanan dengan tujuan untuk mencapai kebahagiaan abadi (Bliss).

Menurut Muhammad ‘Uthman El-Muhammady (2003: 12) dalam Islam nilai kerohanian bertunjang atau berpaksi kepada tauhid yang membawa pengertian tentang keesaan Tuhan, kesepaduan fahaman alam tentang alam bukan benda dan yang kebendaan, dunia dan akhirat, hidup ibadat dan hidup “adat (istilah Imam al-Ghazali rd dalam Ihya”) agama dan sains, hukum dan moral atau etika, hidup kekeluargaan dan masyarakat serta umat, metafizikal dan estetik, kegiatan jasmani dan kontemplasi atau tafakur, wahyu, nubuwah dan akal manusiawi, agama dan tamadun serta budaya, pancaindera, akal fikiran dan pengalaman rohani.

Secara kesimpulannya, melalui aspek-aspek kerohanian yang berlandaskan Al-Quran, yakni yang menjadi landasan utama dalam pemikiran kerohanian ini bagi mendekati sesuatu peristiwa atau perwatakan seseorang sama ada dalam realiti mahupun dalam sesebuah karya. Lantaran itu, dapat dikatakan bahawa pemikiran kerohanian sepenuhnya berpegang kepada peraturan-peraturan yang terdapat dalam agama Islam iaitu ketakwaan, keimanan dan kepatuhan kepada Allah S.W.T. Oleh itu, kesepaduan pemikiran ini akan dikaitkan dengan peristiwa-peristiwa yang berlatar belakangkan dengan ciri-ciri

kehidupan Islam dan unsur-unsur dalam karya yang lebih ditekankan dalam cerpen kanak-kanak yang dikaji ialah merangkumi aspek (i) keagamaan, (ii) sistem kekeluargaan, (iii) kemasyarakatan dan (iv) etika.

## **Keagamaan**

Secara Etimologi, istilah keagamaan itu berasal dari kata “agama” yang mendapat awalan “ke” dan akhiran “an” sehingga menjadi keagamaan. Kaitannya dengan hal ini, W.J.S. Poerwadarminta (1986: 18) memberikan erti keagamaan seperti berikut; “keagamaan adalah sifat-sifat yang terdapat dalam agama atau segala sesuatu mengenai agama, misalnya perasaan keagamaan, atau soal-soal keagamaan”. Bagi Mohd Yusof Hassan (2007: 34) pula menyatakan bahawa aspek keagamaan ini merupakan pemikiran yang suci murni, tinggi darjatnya, kudus sifatnya dan syahdu martabatnya. Maksudnya, ianya merupakan pemikiran yang berunsurkan keimanan dan ketakwaan yang membawa dan menjadikan manusia ke arah manusia soleh atau solehah.

Dalam kajian ini, pengkaji mendapati pemikiran kerohanian melalui aspek keagamaan dilihat menerusi dua unsur utama iaitu **(i) hubungan manusia dengan Tuhan** dan **(ii) hubungan manusia dengan manusia yang lain**. Kebiasaannya, dua unsur utama ini terpapar menerusi tema, peristiwa yang berlaku dalam karya, watak dan perwatakan yang digambarkan dan sebagainya lagi. Di sini, aspek keagamaan yang memaparkan hubungan manusia dengan Tuhan, dilihat melalui tanggungjawab, kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan yang Maha Esa. Maksudnya, manusia haruslah menginsafi bahawa kejadian mereka di bumi adalah sebagai hamba Allah S.W.T., di mana ketaatan dan kepatuhan di atas segala perintah-Nya adalah menjadi keutamaan dalam kehidupan seseorang manusia.

### **i) Hubungan Manusia dengan Tuhan (hablumminaAllah)**

Menerusi cerpen kanak-kanak mutakhir yang dikaji, hubungan manusia dengan Tuhan dapat dilihat menerusi pemaparan watak-watak yang mengamalkan nilai tanggungjawab manusia kepada Allah S.W.T. (hablumminaAllah) seperti bersolat dan berpuasa. Contohnya, dalam kumpulan cerpen *Wajah Pada Skrin* karya Ahmad Fadzillah Muhammad (2012) ada menerapkan hubungan manusia kepada Allah S.W.T. seperti bersolat. Ini dapat dikesan dalam contoh di bawah:

Tertanya-tanya juga Syahirah dengan perubahan mendadak Najih. Pagi-pagi dia sudah bangun dan bersiap awal untuk ke sekolah. Dia sudah tidak datang lambat lagi. Emak juga hairan dengan sikap Najih. Sekali kejut sudah bingkas dan terus masuk bilik air. Sembahyang Subuh pun tidak dilakukan dengan terkocoh-kocoh lagi. Malah sempat membaca ayat Al-Quran sebaris dua dan menadah tangan berdoa.

*(Wajah Pada Skrin. Hlm: 70)*

Menerusi contoh petikan di atas jelas memaparkan hubungan manusia kepada Allah S.W.T. yang memperlihatkan ketaatan dan kepatuhan Najih menunaikan solat secara ikhlas tanpa dipaksa oleh sesiapa pun bagi memenuhi tuntutan ibadatnya kepada Allah S.W.T.. Melalui pemaparan ini, kanak-kanak secara tidak langsung dapat memahami dan menerima tujuan sebenar manusia diciptakan oleh Allah S.W.T. adalah semata-mata beribadat kepada-Nya, yakni sentiasa mematuhi ajaran-Nya dan menjauhi larangan-Nya. Hal ini dibuktikan oleh Abdul Rahman Mohd Aroff (1999: 76) yang menegaskan bahawa ibadat yang dilakukan dengan ikhlas dan sempurna dapat membentuk keperibadian mulia iaitu dapat mencegah seseorang daripada melakukan kemungkaran dan kejahatan, malah turut mendapat ganjaran pahala daripada Allah S.W.T.

Selain pemaparan watak-watak kanak-kanak yang mengamalkan nilai tanggungjawab manusia kepada Allah S.W.T. (hablumminaAllah) seperti perihal bersolat, terdapat juga perihal ketaatan dan kepatuhan dalam menunaikan ibadat wajib iaitu berpuasa dan mengikuti segala amalan sunnah Rasulullah S.A.W. Seperti yang diketahui, berpuasa merupakan senjata utama bagi manusia yang beragama Islam daripada melakukan kemungkaran. Hal ini menjurus kepada sabda Rasulullah S.A.W. yang bermaksud;

“Puasa adalah perisai yang dapat melindungi seorang hamba dari api neraka” (HR. Ahmad dan Baihaqi, dihasankan oleh Syaikh Al Albani dalam *Shohihul Jami*’).

Dalam kumpulan cerpen kanak-kanak yang dikaji, pengkaji mendapati perihal menunaikan ibadat puasa jelas digambarkan oleh pengarang dalam karya mereka. Antaranya ialah pemaparan watak Izyan yang rajin berpuasa sunat pada setiap hari Isnin dan Khamis. Pemaparan watak Izyan yang rajin berpuasa dilihat menerusi petikan daripada kenyataan berikut:

...Dia jarang bercakap, lebih banyak termenung. Hendak kata Izyan letih, tidak ada tenang mahu bergerak aktif, tidak juga. Sebelum Ramadan pun, Izyan rajin berpuasa sunat pada setiap Isnin dan Khamis. Cergas sahaja dia. Malah, Puteri D sendiri kagum.  
(*Gaun Merah Jambu*, 2013: 61)

Berdasarkan kepada contoh petikan di atas jelas memaparkan perihal menunaikan ibadat puasa sunat yang dilakukan oleh Izyan merupakan satu amalan mulia yang disarankan dalam Islam. Malah, keperibadian sebegini dikatakan berhubung kait dengan amalan dan sunnah Rasulullah S.A.W. yang mana baginda dikhabarkan seringkali berpuasa sunat bagi mendapat keredaan dari Allah S.W.T. Justeru, melalui penerapan perihal menunaikan ibadat puasa dapat memberi kesan positif kepada kanak-kanak iaitu menanamkan kesedaran untuk bersyukur dengan nikmat yang diberikan oleh Allah S.W.T. kepada makhluknya dan sekali gus dapat mencontohi perwatakan baik Izyan.

#### ii) Hubungan manusia dengan manusia lain (hablumminas)

Seterusnya, aspek keagamaan dalam pemikiran kerohanian ialah melibatkan hubungan manusia sesama manusia (hablumminannas) ini dapat diperincikan lagi melalui **(i) sifat kepatuhan dan amalan menghormati orang tua seperti ibu bapa dan guru**, dan **(ii) amalan bersedekah (membantu orang yang dalam kesusahan)**. Dalam kumpulan cerpen kanak-kanak mutakhir yang dikaji, pengkaji mendapati terdapatnya beberapa watak dan tema yang menggambarkan sebagai seorang yang taat, patuh dan sangat menghormati orang tua khasnya ibu bapa. Keperibadian sebegini dikatakan sangat menepati prinsip Islam yang meletakkan ibu bapa pada satu kedudukan yang tinggi. Ini bertepatan dengan suruh al-Isra’, ayat 23 yang bermaksud:

“Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepada-Nya semata-mata, dan hendaklah engkau berbuat baik kepada kedua ibu bapa. Jika salah seorang dari keduanya, atau kedua-duanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan “Ha”, dan janganlah pula engkau menengking menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun).”

Sebagai contoh, sifat kepatuhan kepada ibu bapa dapat disaksikan dalam beberapa kumpulan cerpen kanak-kanak yang dikaji. Salah satu contohnya ialah melalui watak Tihani dalam kumpulan cerpen *Kerana Ais Krim & Makron* karya Nur Shamsiah On (2014). Hal ini dibuktikan dalam petikan seumpama berikut:

“Mama rasa inilah yang terbaik buat kamu. Tahun depan kamu dah nak ambil UPSR. Di kampung, kamu boleh lebih fokus. Di sini, kamu sering hilang tumpuan. Maklumlah... dengan internetlah, pusat membeli-belahlah dan macam-macam lagilah.”

Tihani hanya membisu ketika itu. Dia tahu. Tiada gunanya jika dia memprotes cadangan itu. Pasti mama dan papanya akan berkeras juga.

“Baiklah, akhirnya dia bersetuju walaupun hatinya berasa amat berat.

(*Kerana Ais Krim dan Makron*. Hlm: 79)



Melalui contoh petikan di atas dengan jelas memaparkan watak Tihani yang diperlihatkan sebagai seorang kanak-kanak yang sangat patuh kepada kedua-dua ibu bapanya. Beliau tidak pernah sekalipun membantah apa yang diputuskan oleh ibu bapanya. Bagi Tihani, keputusan yang dibuat oleh kedua orang tuanya itu adalah lebih baik.

Konklusinya, seorang anak itu hendaklah sentiasa menjaga adab dan tanggungjawabnya terhadap kedua-dua ibu bapa mereka. Antara adab yang perlu seseorang anak itu laksanakan ialah jangan sekali-kali menderhaka kepada mereka, kerana derhaka kepada kedua ibu bapa adalah suatu dosa besar. Anak yang tidak mendapat keredaan ibu bapanya akan tidak mendapat keredaan Allah dan ibadatnya tidak diterima Allah S.W.T. Oleh itu, pengkaji mendapati pengarang cerpen ini berjaya mengetengahkan watak Tihani yang sangat patuh dan menghormati kedua-dua orang tuanya.

Selanjutnya, hubungan manusia sesama manusia dapat dianalisis dari amalan bersedekah (membantu orang yang dalam kesusahan). Sedekah berasal dari kata *shadaqa* yang bererti benar (Riduan Mohd Nor, 2005: 18). Orang yang suka bersedekah adalah orang yang benar pengakuan imannya. Menurut terminologi syariat, pengertian sedekah sama dengan pengertian infaq iaitu mengeluarkan sebahagian dari harta untuk suatu kepentingan yang diperintahkan dalam Islam. Namun begitu, sedekah memberi maksud yang lebih luas daripada infaq kerana infaq hanya berkaitan dengan material, manakala sedekah merangkumi material dan non-material. Bersedekah dalam Islam juga bukan sekadar memberi wang ringgit kepada mereka yang memerlukan. Amalan bersedekah dalam Islam adalah luas iaitu membabitkan perkara yang membawa kebaikan sama ada dalam bentuk kerohanian mahupun fizikal.

Dalam kumpulan cerpen *Gaun Merah Jambu* karya Natasha Effyza et. al (2013) menerapkan elemen bersedekah dalam karya. Ini dapat dikesan dalam contoh di bawah:

“Malam ini, kamu perlu layan anak-anak yatim itu dengan baik. Jangan sesekali memandang rendah pada mereka. Ingat ya.” nasihat Tengku Riana. Bersedekah kepada anak yatim banyak berkatnya. Orang yang banyak bersedekah pasti dipelihara dan dijauhkan daripada kemiskinan, Kata-kata Tengku Riana membuatkan Puteri Qaira berfikir panjang.

(*Gaun Merah Jambu*. Hlm: 118)

Berdasarkan kepada contoh petikan di atas jelas menunjukkan elemen bersedekah yang diterapkan oleh pengarang dalam kumpulan cerpen kanak-kanak adalah satu aspek yang penting dan menjadi tuntutan agama Islam. Hal ini dikesan melalui watak Tengku Riana yang sering menasihati anaknya Puteri Qaira supaya sentiasa bersedekah kepada anak-anak yatim dan orang-orang miskin. Dalam ajaran Islam, turut mengajar umatnya dengan menegaskan bahawa “memberi lebih baik dari yang menerima.” Ini bertepatan dengan sabda Rasulullah S.A.W. dalam hadisnya yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari dan Muslim yang bermaksud;

“Tangan yang di atas (tangan yang memberi) lebih baik dari tangan yang di bawah (tangan yang menerima atau meminta). Maka kerana itu mulakanlah memberi kepada keluargamu. Sebaik-baik sedekah ialah ketika kaya. Sesiapa yang memohon dipelihara (agar ia tidak sampai meminta-minta) Allah akan memeliharanya dan sesiapa yang memohon dicukupkan (agar ia tidak bergantung selain kepada Allah) Allah akan mencukupkannya.”

## **Sistem Kekeluargaan**

Secara amnya, keluarga didefinisikan sebagai unit kecil dalam sesebuah masyarakat dan unit terkecil dalam sesebuah negara. Namun, impak negatif dan positif sesebuah masyarakat dan negara semuanya bermula daripada institusi kekeluargaan (Siti Nazihah Sarpin, 2009: 2). Menurut Abdul Karim Zaidan (2001: 162) “...keluarga umpama sel-sel yang membentuk tubuh. Jika keluarga baik, nescaya masyarakat

pun akan menjadi baik, sebaliknya jika keluarga itu rosak maka masyarakat seluruhnya akan menjadi rosak”.

Walau bagaimanapun, keluarga tetap merupakan satu komponen penting dalam pembentukan sesebuah masyarakat dan seterusnya membentuk sebuah negara. Tanpa sistem kekeluargaan, pembentukan sesebuah negara tidak akan sempurna. Islam memandang institusi kekeluargaan sebagai sebuah institusi yang akan menjadi pencorak kepada masyarakat yang bakal dibina. Justeru, sebanyak dua kategori nilai kekeluargaan telah pengkaji kenal pasti daripada teks-teks kumpulan cerpen kanak-kanak mutakhir yang dikaji. Antara kategori-kategori tersebut ialah (i) kasih sayang dan (ii) bertanggungjawab terhadap keluarga.

### **i) Kasih Sayang**

Umumnya, kasih sayang merupakan suatu perasaan yang lahir secara semula jadi dalam diri setiap manusia. Menurut Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan (1995: 800), kasih sayang didefinisikan sebagai cinta, kasih, belas kasihan, kasih mesra, perasaan kasih, perasaan cinta dan sayang, mahabbah, hubah, percintaan dan pertemuan dengan hati. Selain itu, perasaan kasih sayang bermaksud perasaan halus dan belas kasihan yang timbul daripada hati yang ikhlas terhadap orang lain dan berusaha membantu meringankan bebanan yang dihadapinya (Norita Arifin, 2006: 93). Seterusnya, Tajul Arifin Nordin dan Nor'aini Dan (1992: 32) mentakrifkan kasih sayang sebagai perasaan cinta, kasih sayang yang mendalam dan berkekalan. Rasa ini dikatakan lahir dari hati yang rela terhadap sesuatu tanpa sebarang unsur kepentingan diri. Baginya lagi, terdapat empat ciri kasih sayang iaitu (i) sayang kepada nyawa, (ii) sayang kepada alam sekitar, (iii) sayang kepada negara dan (iv) sayang kepada keamanan dan keharmonian.

Manakala Muhammd al-Ghazali (1994: 92) pula menyatakan bahawa nilai kasih sayang adalah satu perasaan kasih sayang amat penting bagi membina hubungan yang bahagia dalam sesebuah keluarga mahupun masyarakat. Malah, kasih sayang juga merupakan perasaan cinta dan kasih sayang yakni sebagai jambatan untuk menegakkan keluarga yang harmoni dan bahagia. Melalui keluarga bahagia, akan wujudnya masyarakat yang kuat, mulia dan saling bertanggungjawab. Oleh yang demikian, berdasarkan kepada pendapat-pendapat yang diutarakan seperti di atas, maka dapat disimpulkan bahawa nilai kasih sayang adalah suatu perasaan halus dan belas kasihan yang lahir dari hati meliputi rasa cinta dan kasih sayang yang mendalam, tiada sempadan waktu dan tanpa sebarang paksaan atau unsur kepentingan diri dan seterusnya membawa kepada perlakuan yang baik dan positif dalam diri seseorang.

Justeru dalam kumpulan cerpen kanak-kanak yang dikaji, nilai kasih sayang dapat dilihat menerusi kumpulan cerpen *Gaun Merah Jambu* (2013). Nilai ini dipaparkan melalui watak Izyan iaitu seorang gadis yang sangat kasih dan sayang kepada keluarganya terutama ibunya dan adik-adiknya. Ini dilihat apabila Izyan tidak senang hati dan takut jika berlaku sesuatu yang tidak diingini berlaku kepada ibunya akibat penyakit asma. Izyan juga merupakan satu-satunya tempat ahli keluarganya bergantung hidup setelah kematian ayahnya. Hal ini kerana elaun bulanan persekolahannya itulah yang menjadi tampungan perbelanjaan mereka sekeluarga. Contoh petikan ini ialah:

“Sebenarnya, saya tidak selesa berbuka puasa di rumah awak tempoh hari. Saya rasa bersalah kerana menikmati makanan yang enak-enak sedangkan keluarga saya di rumah makan ala kadar. Sebab itu, saya makan sedikit sahaja. Saya terkenang mereka. Selain itu, saya juga serba salah kerana saya tidak ada tabungan bagi membelikan baju raya untuk adik-adik saya. Sudah dua kali raya mereka tidak berganti baju. Saya terkilan kerana sebagai kakak sulung, saya tidak dapat buat apa-apa. Saya tidak kisah tidak ada baju baru untuk raya tetapi saya rasa bersalah kerana tidak mampu menyediakan baju raya untuk adik-adik saya.” jelas Izyan panjang lebar.

(*Gaun Merah Jambu*. Hlm: 61-62)

Berdasarkan petikan di atas, pengarang menggambarkan kasih sayang yang sangat utuh di antara anak dengan ibunya. Walaupun si anak (Izyan) masih lagi kanak-kanak yang memiliki keinginan dan keperluan seperti kanak-kanak normal yang lain iaitu memiliki keinginan untuk berkawan, bermain,

bersuka ria bersama teman-teman dan sebagainya. Namun, dia sanggup mengorbankan kesemuanya itu bagi menjaga kesejahteraan kesihatan ibunya berserta menjaga masa depan adik-adiknya. Oleh itu, cerita sebegini mampu membentuk keperibadian yang mulia dalam diri kanak-kanak. Selain itu, kanak-kanak juga mampu membentuk nilai kasih sayang dalam diri mereka agar ikatan kasih sayang ini dapat menjanjikan kebahagiaan dalam diri mereka.

## **ii) Bertanggungjawab terhadap keluarga**

Tanggungjawab ialah kewajipan yang dipikul oleh seseorang (Kamus Dewan, 2010: 1371). Setiap anggota keluarga mempunyai tanggungjawab yang tertentu dan keharmonian sesebuah keluarga itu amat bergantung kepada bagaimana setiap anggotanya menjalankan tanggungjawab tersebut seperti mana yang diharapkan. Melaksanakan tanggungjawab terhadap keluarga merupakan proses yang berterusan sepanjang kehidupan berkeluarga bagi menjamin keharmonian yang berkekalan.

Ikatan perkahwinan telah menetapkan tanggungjawab bagi setiap pasangan suami isteri dan mereka wajib menjalankan tanggungjawab masing-masing sama ada sebagai suami, isteri atau ibu bapa dalam mengendalikan keluarga. Dalam institusi keluarga, peranan bapa amat penting kerana Islam telah menetapkan bahawa seorang lelaki merupakan insan terpenting dalam sesebuah keluarga. Lelaki, suami dan bapa memikul tugas yang sangat berat sebagai khalifah di bumi Allah S.W.T. Hal ini kerana mereka merupakan ketua keluarga di dalam sesebuah institusi kekeluargaan. Sebagai seorang suami atau ketua, mereka berhak untuk menentukan perjalanan institusi keluarga di bawah pimpinannya. Dalam memenuhi keperluan ini, ia perlu memilih jalan atau arah yang ingin dituju serta peka kepada kehendak-kehendak pembangunan dan berusaha membawa anggota keluarganya ke arah pembangunan tersebut. Sehubungan dengan itu, ia perlu sedaya upaya menyiapkan ahli keluarganya dengan nilai-nilai yang diperlukan bagi pembangunan tersebut sama ada duniawi atau ukhrawi. Hal ini jelas ditegaskan dalam petikan yang berikut:

Dalam hening dinihari, terdengar sayup suara garau ayah yang sedang bermunajat kepada Yang Maha Pencipta. Sayu menyelubungi jerit perih hidup bersama-sama seorang insan yang telah melahirkan aku ke dunia ini. ...Tatkala embun pagi masih menitis di hujung dedaun, ayah keluar mencari rezeki demi menyara kehidupan ibu, aku dan adik yang menjadi tanggungjawab ayah.

*(Anak Kampung Ke Istana Negara, 2014: 8)*

Berdasarkan kepada contoh petikan di atas secara jelasnya dipaparkan tema dan persoalan tentang peranan dan tanggungjawab seorang bapa dalam mendidik anak-anak dengan memberikan kesempurnaan kehidupan kepada anak-anak. Antara aspek kesempurnaan kehidupan kanak-kanak adalah melibatkan pemberian nafkah zahir dan batin iaitu melibatkan empat aspek kesempurnaan seperti; (i) keperluan asas iaitu makanan, pakaian dan tempat tinggal, (ii) keselamatan, (iii) pendidikan dan (iv) kasih sayang. Hal ini dilihat bertepatan dengan peringkat/hierarki keperluan dan kehendak kanak-kanak iaitu meliputi lima peringkat seperti peringkat pertama; fisiologi (keperluan asas), peringkat kedua; keselamatan, peringkat ketiga; kasih sayang, peringkat keempat; penghargaan sendiri (pujian) dan peringkat kelima; penyempurnaan sendiri (keperluan permainan, pendidikan, pembelajaran dan bimbingan).

Seterusnya, menitikberatkan kepercayaan dan amalan-amalan agama kepada anak-anak juga merupakan salah satu daripada tanggungjawab ibu bapa. Melaksanakan tanggungjawab ini dengan sempurna akan dapat memperteguhkan peribadi seseorang anak itu. Contoh perihal tanggungjawab ibu bapa yang menitikberatkan kepercayaan dan amalan-amalan agama ini diperlihatkan melalui contoh petikan di bawah:

“Ibu, ayah beritahu Nuqman yang pokok Nuqman akan berbuah,” beritahu Nuqman.

“Nuqman, apabila Tuhan mengurniakan kita nikmat-Nya, kita hendaklah bersyukur dan mengucapkan alhamdulillah,” pesan Puan Sharifah.

“Alhamdulillah,” ucap Nuqman dengan gembira.

(*Ayahku Superhero*, 2015: 32)

Di sini, ibu Nuqman amat menitikberatkan agar Nuqman patuh dan taat kepada segala ajaran agama. Oleh yang demikian, Nuqman digambarkan sebagai seorang yang mempunyai peribadi yang baik serta patuh kepada suruhan dan nasihat kedua ibu bapanya itu. Melalui penekanan aspek ini, para ibu bapa bukan sahaja bertanggungjawab menyara dan mendidik anak mereka, malahan ibu bapa juga bertanggungjawab memastikan mereka sentiasa berada dalam keadaan selamat dan bahagia. Tanggungjawab ini merupakan sebahagian daripada lumrah kehidupan kerana pengurniaan anak hakikatnya adalah satu ujian bagi para ibu bapa selaras dengan firman Allah SWT yang bermaksud;

“Dan ketahuilah bahawa harta benda kamu dan anak-anak kamu itu hanyalah menjadi ujian, dan sesungguhnya di sisi Allah jualah pahala yang besar.”

(S. Al-Anfal: 28)

## **Kemasyarakatan**

Umumnya, masyarakat merupakan sekelompok manusia yang telah cukup lama hidup dan bekerjasama, sehingga dapat mengorganisasikan diri dan berfikir tentang dirinya sebagai satu kesatuan sosial dengan batas-batas tertentu (Linton, 1936: 117). Selain itu, masyarakat menurut bahasa adalah sejumlah manusia dalam erti seluas-luasnya dan terikat oleh suatu kebudayaan yang mereka anggap sama.

Bagi Richard T. Schaefer (2003: 41), masyarakat pula ialah “*a fairly large number of people who live in the same territory, are relatively independent of people outside it, and participate in a common culture*”. Manakala Paul B. Horton dan Chester L. Hunt (1988: 52) mendefinisikan masyarakat sebagai

*“a relatively independent, self-perpetuating human group which occupies a territory, shares a culture, and has most of its associations within this group. A society is an organization of people whose associations are with one another”.*

Melalui kedua-dua definisi yang dinyatakan di atas dapat dirumuskan bahawa masyarakat adalah satu kesatuan hidup manusia dalam sesuatu kawasan yang diikat oleh budaya yang sama. Sebagai makhluk sosial, manusia tidak dapat hidup bersendirian kerana hidup bermasyarakat merupakan fitrah semula jadi manusia. Oleh itu, manusia perlu berinteraksi dengan anggota-anggota masyarakat yang lain di sekelilingnya (Mustaffa Haji Daud, 1990: 11). Sehubungan itu, interaksi penting bagi memungkinkan sesebuah masyarakat itu wujud serta menjamin perkembangan dan kesinambungannya. Melalui interaksi, anggota masyarakat akan dapat mewujudkan satu kefahaman bersama di kalangan mereka bagi memenuhi keperluan bersama dalam hidup bermasyarakat.

Sehubungan dengan itu, institusi-institusi kemasyarakatan adalah saling berkait dan mempunyai hubungan yang rapat dalam memupuk nilai kemasyarakatan. Setiap peranan dan tanggungjawab yang dimainkan akan membentuk satu kesatuan yang akan memberi kesan antara satu sama lain. Rosak salah satu institusi tersebut maka rosaklah masyarakat secara keseluruhannya. Oleh yang demikian, melalui penelitian terhadap teks kumpulan cerpen kanak-kanak mutakhir yang dikaji, pengkaji mendapati nilai-nilai kemasyarakatan yang dikenal pasti ialah (i) tolong menolong dan (ii) beramah mesra/beramah tamah.

### **i) Tolong menolong**

Tolong-menolong adalah sikap saling memberi pertolongan atau menyokong antara satu sama lain (Kamus Dewan, 2010: 1463). Sikap tolong-menolong di antara anggota masyarakat akan dapat membina kehidupan yang lebih sejahtera dan harmoni. Nilai ini merupakan amalan yang lazim di kalangan masyarakat desa. Seseorang yang menerima kebaikan daripada orang lain akan terasa dirinya bagaikan berhutang dan perlu membalas kembali. Saling menerima dan memberi bantuan ini melahirkan semangat kerjasama yang akan memberi kebaikan kepada masyarakat (Ismail Hamid, 1987: 80).

Penegasan terhadap nilai tolong menolong dalam kemasyarakatan ini dapat disaksikan melalui petikan-petikan peristiwa seperti berikut;

“Awak kan kecil. Tak sakit ke pinggang awak mengangkat bangkai lipas yang lebih besar daripada badan awak sendiri?” tanya Adlina jujur.

Niko menggeleng berulang kali.

“Bukan saya angkat seorang. Kami ada ramai. Cuba awak tengok di bawah pangkin ini. Kami kecil tetapi kami bekerjasama. Kami kecil tetapi kami ada strategi. Kami kecil tetapi kami berdisplin,” jawab Niko dengan bangga.

“Kalau saya sendiri, pasti saya tidak akan berjaya mengangkat bangkai lipas itu. Bersendirian itu tidak bagus, mudah diserang musuh dan idea kita tidak berkembang. Dengan berkumpul, kami dapat merencana sarang, tentera dan bekalan kami dengan lebih baik,” sambung Niko panjang lebar.

*(Ayahku Superhero, 2014: 16)*

Berdasarkan kepada contoh petikan di atas, pengarang secara jelasnya memaparkan watak Niko dan teman-temannya (semut) yang sentiasa tolong-menolong dalam melaksanakan sesuatu kerja secara berkumpul dapat diibaratkan sebagai sebuah kelompok masyarakat yang bekerjasama. Melalui penekanan nilai tolong-menolong ini dapat memberikan kanak-kanak memahami dan mempelajari bahawa dalam konteks kehidupan bermasyarakat, kerjasama dalam bentuk tolong-menolong bukan sahaja dapat memudahkan mereka menguruskan keperluan kehidupan mereka tetapi juga dapat mengeratkan perhubungan di antara satu sama lain. Oleh itu, nilai tolong-menolong ini hendaklah sentiasa digalakkan dan menjadi budaya dalam kehidupan bermasyarakat. Menurut Ralph Barton Perry (1954: 145), kesepaduan sosial sesebuah masyarakat itu memuncak apabila aktiviti secara kerjasama ini dijalankan di antara mereka.

## **ii) Beramah mesra/beramah tamah**

Kamus Dewan (2010: 1092) mendefinisikan ‘beramah-tamah’ ialah bermaksud bergaul dengan ramah atau mesra. Dalam kehidupan bermasyarakat, sikap beramah-tamah boleh mengeratkan ikatan perpaduan, persepakatan dan kasih sayang sesama manusia. Perbezaan individu dalam masyarakat yang berasaskan latar belakang agama, bangsa, dan tradisi yang berlainan akan dapat dikurangkan sekiranya anggota masyarakat saling berinteraksi dan cuba mengenali antara mereka. Bergaul dan beramah-tamah merupakan satu keperluan psikologi bagi setiap manusia tidak kira dewasa mahupun kanak-kanak (Ma’rof Redzuan, 2001: 3). Menurut Mustafa Haji Daud (1995: 19) manusia perlu berinteraksi dengan manusia lain untuk meluahkan perasaan mereka demi kesejahteraan jiwa dan rohani seseorang.

Antara amalan yang termasuk dalam sifat beramah-tamah bagi kehidupan bermasyarakat ialah dengan bertegur sapa, bertanya khabar atau memberi salam bagi orang-orang Islam apabila mereka bertemu atau terserempak di mana-mana. Antara contoh penampilan nilai ini dapat dilihat melalui contoh petikan yang berikut:

“Bila ada cuti, datanglah melawat kami, Kamarul...” ujur Encik Bakri, papa Ika.

“Insya-Allah... Tempat jatuh lagi dikenang, inikan pula rumah sendiri...” Encik Kamarul melawak.

Mereka yang berada di situ turut ketawa. Sememangnya Encik Kamarul seorang yang ramah dan ringan tulang. Oleh yang demikian, tidak hairanlah jiran-jirannya amat menyenangkannya.

*(Kerana Ais Krim dan Makaron, 2014: 17)*

Menerusi contoh petikan di atas, jelas sekali menunjukkan Encik Kamarul seorang yang ramah dan disenangi oleh jiran-jirannya dek kerana sifatnya yang tidak mengasingkan diri daripada kelompok masyarakat. Suasana hidup secara bersama dalam masyarakat ini memerlukan hubungan sosial yang erat agar mereka dapat mengenali antara satu sama lain serta mengetahui hati dan budi masing-masing. Keadaan ini akan membolehkan anggota masyarakat untuk menyesuaikan diri dan bergaul antara satu sama lain dalam suasana yang harmoni.

Namun begitu, dalam kehidupan moden kini seseorang itu lebih menekankan kepada keperluan-keperluan untuk memenuhi kepentingan peribadi telah menyebabkan hubungan antara anggota masyarakat terutamanya di bandar menjadi tidak akrab. Keadaan ini menjadikan kehidupan anggota masyarakat semakin terpisah antara satu sama lain dan kurangnya rasa tanggungjawab kepada masyarakat. Di samping itu, anggota masyarakat yang suka beramah mesra dengan menggunakan ketertiban sosial yang dianjurkan oleh budaya masing-masing akan diterima dengan baik oleh masyarakatnya. Lantaran itu, kesedaran anggota masyarakat khasnya kanak-kanak tentang perlunya mereka untuk bergaul atau berinteraksi sesama mereka dengan lebih mesra dan akrab adalah sangat penting dalam sistem kemasyarakatan.

### **Etika**

Menurut *Encyclopedia of Americana*, istilah etika diambil dari bahasa Inggeris 'ethics' yang berasal dari kata akar dalam bahasa Yunani 'ethos' yang bererti adat kebiasaan dan 'ethics' pula adalah bererti moral (*Encyclopedia of Americana*, 1993: 610). Manakala, dalam *The New Encyclopedia of Britannica* (1992: 578) menjelaskan bahawa etika diertikan sebagai:

*Ethics also called moral philosophy, the discipline concern with what is morally good and bad, right and wrong. The term is also applied to any system or theory of moral values or principles.*

Umumnya, etika dianggap sebagai *the science of conduct* ataupun ilmu adab kelakuan (Johnson, 1984: 52). Dari segi istilahnya pula, etika bermaksud prinsip moral (akhlak) atau nilai-nilai akhlak yang menjadi pegangan individu atau kumpulan individu dalam sesebuah masyarakat. Bagi Ahmad Shukri dan Mat Zin Razali (2001: 17) menerangkan bahawa etika berasal dari perkataan 'ethos' (Greek) yang membawa pengertian iaitu perangai atau keperibadian. Baginya lagi, etika adalah satu sistem dasar akhlak, adat, tingkah laku atau kesusilaan. Ia juga membawa maksud prinsip moral atau nilai akhlak atau tingkah laku yang menjadi pegangan kepada seseorang individu ataupun kumpulan. Prinsip moral dan kesedaran akhlak ini tidak boleh dicapai oleh seseorang tanpa menjalinkan perhubungan sosial dengan orang lain.

Oleh yang demikian, etika seseorang Muslim harus mengguna pakai acuan yang sama dengan akhlak yakni, aspek rohani dan jasmani individu itu digabungkan dan diberi penekanan yang seimbang. Falsafah tauhid pula dijadikan sebagai asas pembentukan dan pelaksanaan etika seseorang Muslim dalam konteks mereka dengan Allah (*habbuminaAllah*), hubungan sesama manusia (*habbumialnas*) dan juga hubungan dengan alam sekeliling (Sheikh Ghazali Sheikh Abod, 1991: 82). Manakala prinsip-prinsip syarak dan nilai-nilai kemanusiaan yang bersifat intrinsik (dalaman) mahupun ekstrinsik (luaran) dititikberatkan dalam ketiga-tiga hubungan ini. Justeru dalam konteks kajian ini, pengkaji mendapati etika Islam yang dikaji terhadap kumpulan cerpen kanak-kanak mutakhir ialah dengan melibatkan kepada niat yang ikhlas dalam menuntut ilmu dan melakukan sesuatu kerja.

#### **i) Niat yang Ikhlas dalam Menuntut Ilmu dan Melakukan Sesuatu Kerja.**

Niat merupakan syarat layak atau diterima ataupun tidaknya amal perbuatan, dan amal ibadat tidak akan mendatangkan pahala kecuali berdasarkan niat kerana Allah SWT (Nor Azzah Kamri, 2013: 18). Waktu pelaksanaan niat dilakukan pada awal ibadah dan tempatnya di hati seseorang. Ikhlas dan membebaskan niat semata-mata kerana Allah ta'ala dituntut dalam semua amal salih dan ibadah. Seorang mukmin akan diberi ganjaran pahala berdasarkan kadar niatnya. Semua perbuatan yang bermanfaat dan mubah (boleh) jika diiringi dengan niat kerana mencari keredaan Allah SWT maka ibadahnya dikatakan sangat bernilai (Mohd Fauzi Hamat & Mohd Khairul Naim Che Nordin, 2012: 53).

Seterusnya, aspek niat meliputi tiga hal iaitu; (i) diyakini dalam hati, (ii) diucapkan dengan lisan (tidak perlu diucapkan secara terbuka dan kuat sehingga mengganggu orang lain) dan (iii) dilakukan dengan amal perbuatan. Jadi niat akan lebih kuat apabila ketiga-tiga aspek di atas dilakukan secara

bersama kesemuanya. Sebagai contoh, seseorang berniat untuk menjadi sihat, maka hatinya akan berniat untuk sihat, lalu dilisankan ucapan niat untuk sihat kepada dirinya dan akhirnya tubuhnya melakukan amalan yang dapat menyihatkan dirinya iaitu seperti bersenam. Maksudnya, niat baik seorang Muslim itu tentu saja akan keluar dari hati yang khusyuk dan tawaduk, ucapan yang baik dan santun, serta tindakan yang difikirkan semasak-masak dan tidak tergesa-gesa dan cergas kerana dikatakan dalam suatu hadis yang diriwayatkan oleh Rasulullah SAW yang bermaksud; apabila yang diucapkan lain dengan yang diperbuat, maka manusia itu tergolong dalam ciri-ciri orang yang munafik (Ibn Kathir, Abu al-Fida' Ismail Ibn Umar, 1999: 117).

Berikut adalah antara beberapa contoh petikan yang menunjukkan etika niat yang ikhlas dalam mencari ilmu dan melaksanakan sesuatu kerja iaitu:

Sahabat-sahabatku, meskipun kita berpisah demi mengejar cita-cita, meneruskan impian ibu bapa, rupa-rupanya semakin usia meningkat, semakin banyak pengalaman dilalui, semakin banyak ilmu yang ditimpa tetapi anehnya... semakin banyak pula ilmu yang belum terkutip. Sedarlah kini peranan kita sebagai pelajar yang cinta akan ilmu tidak pernah terhenti.

*(Anak Kampung Ke Istana Negara, 2014: 40)*

Setiap hari, mereka akan mengadakan perbincangan. Perbincangan mereka bukan sahaja terhad di rumah saja, malahan di kantin dan juga di perpustakaan turut menjadi 'port' mereka. Mereka berusaha bersungguh-sungguh untuk berjaya dalam peperiksaan tersebut agar dapat belajar di sekolah berasrama penuh. Lamin juga bertekad untuk menunaikan harapan kedua orang tuanya yang mengharapkan kejayaannya. Dia ingin membuktikan yang dia benar-benar sudah berubah dan mampu meraih kejayaan.

*(Wajah Pada Skrin, 2012: 24)*

Daripada contoh-contoh petikan cerpen yang dinyatakan ini, sememangnya menunjukkan dengan jelas bahawa menuntut ilmu dan melaksanakan sesuatu kerja dengan ikhlas adalah sangat penting dalam kehidupan seseorang Muslim. Hal ini turut dibuktikan melalui kenyataan dalam hadis yang diriwayatkan oleh Rasulullah SAW bermaksud bahawa "Siapa yang menempuh jalan untuk menuntut ilmu maka Allah SWT akan memudahkan jalannya menuju syurga"

Berbalik kepada penekanan nilai ini amatlah wajar bagi Muslim khasnya kanak-kanak yang menuntut ilmu supaya sentiasa memastikan niat mereka dalam apa jua aktiviti keilmuan sama ada dalam bentuk pengajaran, penyelidikan, penulisan dan khidmat masyarakat adalah bertujuan untuk kebaikan agama dan masyarakat dan bukannya untuk mendapat sanjungan dan tepukan dari manusia. Sehubungan itu, sesiapa yang melakukan sesuatu amalan dengan niat kerana Allah SWT pastinya Tuhan akan membalas kebajikannya di dunia dengan pelbagai ganjaran dan nikmat yang tidak disangka, bahkan di akhirat pula balasan syurga akan menanti.

## **KESIMPULAN**

Berdasarkan hasil penelitian unsur pemikiran kerohanian ke atas kelima-lima kumpulan cerpen kanak-kanak mutakhir yang dipilih ini, dapat disimpulkan bahawa cerita yang disampaikan banyak memaparkan pergolakan kehidupan dunia kanak-kanak. Selain itu, unsur pemikiran kerohanian yang terkandung dalam kelima-lima buah kumpulan cerpen kanak-kanak mutakhir yang dipilih ini dilihat menerusi watak-watak kanak-kanak dan tema-tema yang dibangunkan dalam karya boleh dijadikan contoh dan tauladan yang berguna kepada kanak-kanak pada masa kini. Hal ini didapati bersesuaian dalam membangunkan kerohanian kanak-kanak mengikut situasi, kondisi serta sifat watak kanak-kanak yang tertentu agar bertepatan dengan unsur pemikiran kerohanian yang terkandung dalam Teori SPB4K yang digagaskan

oleh Mohd Yusof Hasan yang diaplikasikan oleh pengkaji dalam kajian ini. Selain itu, pengkaji mendapati terdapat empat aspek yang diberi penekanan khusus dalam unsur pemikiran kerohanian iaitu aspek (i) keagamaan, (ii) sistem kekeluargaan, (iii) kemasyarakatan dan (iv) etika. Hal ini adalah bertitik tolak daripada pemikiran kerohanian dalam karya yang dikaji, mendorong timbulnya kepelbagaian sikap watak kanak-kanak yang cenderung membangkitkan atau mewujudkan peristiwa-peristiwa ke arah satu pemikiran yang ada dalam Teori SPB4K. Setelah menganalisis kelima-lima kumpulan cerpen kanak-kanak mutakhir yang dipilih ini sememangnya mempunyai unsur pemikiran kerohanian yang diterapkan oleh pengarang dalam karya yang dihasilkan untuk menyampaikan kesan positif kepada kanak-kanak, namun konsep sastera kanak-kanak dan psikologi kanak-kanak kurang dititikberatkan.

## RUJUKAN

- Abdul Karim Zaidan. (2001). *Dasar-dasar ilmu dakwah 2*. Petaling Jaya: Dewan Pustaka Fajar.
- Abdul Rahman Mohd Aroff. (1999). *Pengurusan Islam dan pembangunan manusia*. Selangor: Thinker's Library Sdn. Bhd.
- Ahmad Fadzilah Muhammad. (2013). *Wajah pada skrin*. Kajang: Aras Mega (M) Sdn. Bhd
- Ahmad Shukri & Mat Zin Razali. (2001). *Adab & etika kerja dalam organisasi*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Asmah Haji Omar. (1986). *Bahasa dan alam pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmawati Suhid. (2012). Gagasan pemikiran falsafah dalam Pendidikan Islam: Hala Tuju dan Cabaran. *Journal of Islamic and Arabic Education* 4(2), 2012 57-70. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Azizi Yahya et.al (2007). *Menguasai penyelidikan dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Professional Sdn. Bhd.
- Encyclopedia of Americana* (1993). Danbury, Conn: Grolier Incorporated.
- Fasya Farida et. al. (2015). *Ayahku superhero*. Shah Alam: Prima Sdn. Bhd.
- Hadijah Rahman. (2006). *Peranan dan perkembangan sastera kanak-kanak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun Din. (2003). *Tasawwur Islam*. Shah Alam: Penerbitan Hizbi.
- Ibn Kathir, Abu al-Fida' Ismail Ibn Umar. (1999). *Tafsir al-Quran al-'Azim*. 10 vols. Jizza: Qurtuba.
- Ismail Hamid. (1987). *Perkembangan kesusasteraan Melayu lama*. Kuala Lumpur: Longman.
- Jais Sahok (2008). *Penulisan cereka cerpen edisi kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jalongo, M.R. (2000). *Early childhood language arts*. (2nd ed.). USA: Allyn & Bacon.
- Johnson. (1984). *Environment, ethics and behavior: The psychology of environmental valuation*. New York: Lexington Books.
- Kamus Dewan* (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Karl C. Garrison & C. Garisson Jr. (1975). *Psychology of adolescence*. New Jerswy: Prentice Hall, Inc. Englewood Cliffs.
- Laura Marcus and Ankhi Mukherjee. (2014). *A concise companion to phschoanalysis literature, and culture*. British: Wiley Blackwell.
- Mahaletchimi A/P Balakrishnan. (2010). *Pemikiran bersepadu dalam prosa Melayu tradisional komsas*. [Tesis PHD Sastera Melayu]. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ma'rof Redzuan. (2001). *Psikologi sosial*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Maslow, Abraham H. (1970). *Motivation and personality 2nd edition*. New York: Harper & Row Publisher.
- Md. Sidin Ahmad Ishak. (2005). *Perkembangan sastera kanak-kanak di Malaysia: Buku Melayu mencari nafas baru*. Shah Alam: Cerdik Publication.
- Mohamad Mokhtar Hassan. (2007). *Kajian bandingan cerpen sebelum merdeka: Malaysia, Indonesia, negara Brunei Darussalam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Asri Mohammad. (2010). Seminar Sehari Kesusasteraan Kanak-kanak dan Remaja 2010. *Dewan Pelajar, Disember 2010*, hlm. 54-55.
- Mohd Fauzi Hamat & Mohd Khairul Naim Che Nordin. (2012). *Akidah dan pembangunan modal insan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohd Nasir. (2005). *Etika profesional*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Yusof Hasan. (2012). *Minda Melayu global*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd Yusof Hasan. (2007). *Teori pendidikan pemikiran global*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Muhammad Al-Ghazali. (1994). *Peribadi muslim*. Terj. Osman Hj Khalid. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.
- Muhammad Uthman El-Muhammdy. (2003). *Agama pembentuk pertembungan peradaban*. Kertas kerja di Kongres Peradaban Malaysia.



- Mustaffa Haji Daud. (1995). *Budi bahasa dalam tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Natasha Effyza et. al (2013). *Kisah si puteri: Kami puteri hebat*. Selangor: PTS One Sdn. Bhd.
- Nodelman, Perry. (1992). *The pleasure of children's literature 2nd edn*. Longman: New York.
- Nor Aziah Abd. Hamid. (1989). Kritikan buku kanak-kanak. *Konvensyen Sastera Kanak-kanak 1989*. 26-27 Jun 1989. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Azzah Kamri. (2012). Kepenggunaan dalam Islam: Tinjauan dari sudut etika. *Kertas Kerja Seminar Keusahawanan Islam II Peringkat Kebangsaan*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Norita Arifin. (2006). *Nilai budi masyarakat Melayu dalam pantun*. [Tesis: Sarjana] Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Normaliza Abdul Rahim. (2009). Sastera kanak-kanak dan remaja: Apa kata mereka? *Dewan Sastera*, Jun 2009, hlm. 76-78.
- Nur Shamsiah On. (2014). *Kerana ais krim & makaron*. Kuala Lumpur: Ana Muslim Sdn. Bhd.
- Othman Puteh. (1993). *Penulisan cerpen: Visi dan langgam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman Puteh. (2001). *Persediaan menulis cerpen*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman Puteh. (2010). *Cerpen Melayu selepas Perang Dunia Kedua: Satu analisis tentang pemikiran dan struktur*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Paul B. Horton & Chester L. Hunt. (1988). *Sociology and the health sciences*. Blakiston Division: McGraw-Hill.
- Rahman Shaari. (2001). *Bimbingan istilah sastera*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributots Sdn. Bhd.
- Richard T. Schaefer. (2003). *Sociology*. New York: Harcourt, Brace & World.
- Riduan Mohd Noor. (2005). *Rahsia keajaiban & kelebihan sedekah*. Sabah: Syukbah Dakwah dan Pendidikan Majlis Negeri Sabah.
- Rozumah Baharudin & Rahimah Ibrahim. (2008). *Keluarga kanak-kanak & remaja*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Shahabudin Hashim & Noor Miza Abdul Rahman. (2014). *Kaedah pengajaran dan pembelajaran kerohanian kanak-kanak*. Selangor: PTS Sdn. Bhd.
- Sheikh Ghazali Sheikh Abod. (1990). *Pengurusan perniagaan Islam: Suatu perbandingan*. Shah Alam: Penerbit Hizbi.
- Siti Nazihah Sarpin. (2009). *Mendidik anak-anak supaya taat akan syariah*. <http://076115aziz.blogspot.my/2009/03/mendidik-anak-anak-supaya-taat-akan-syariah.html> diakses pada 20/02/2014.
- Siti Nur Balqis Syamsul Zaidi. (2014). *Kumpulan cerpen: Anak kampung ke Istana Negara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tajul Ariffin Noordin & Nor'Aini Dan. (1992). *Pendidikan dan wawasan 2020*. Kuala Lumpur: Arena Ilmu Sdn. Bhd.